

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a. PPFI dilaporkan telah membiayai 886 projek, dari jumlah ini berapakah jumlah projek dibangunkan oleh kontraktor bumiputera; dan
- b. mengapa pembiayaan ini tidak disalurkan melalui persatuan kontraktor Melayu Malaysia memandangkan PKMM tidak tahu menahu mengenai pembiayaan raksasa ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembinaan PFI Sdn Bhd (PPFI) adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle*-SPV) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 28 September 2006. Tujuan penubuhan syarikat ini ialah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek pembangunan dan program yang dikenalpasti oleh Kerajaan.

Secara umumnya, projek-projek yang dikenal pasti untuk dilaksanakan melalui pembiayaan dana PFI ini perlu mempunyai spin-off yang meluas ke atas pertumbuhan ekonomi dan perlu dilaksanakan dengan segera untuk memberi manfaat kepada rakyat. Terdapat 547 projek dibiayai di bawah PFI 1 dan sehingga April 2015, sebanyak 526 projek (96.2%) telah siap dilaksanakan. Bagi PFI 2 pula, terdapat 339 projek yang dikenalpasti dan 77 projek (22.7%) telah siap sepenuhnya manakala baki 262 projek/program (77.3%) lagi masih di peringkat pra pembinaan atau pelaksanaan dan peringkat pembinaan atau pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua,

PPFI hanya berperanan mendapatkan dana dan kemudiannya

disalurkan ke Akaun Amanah PFI di bawah kendalian Jabatan Akauntan Negara. Dana tersebut digunakan bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan dan program-program yang telah dikenal pasti. Proses perolehan, pelaksanaan dan pemantauan termasuk pelantikan kontraktor bagi projek/program pembangunan melalui dana PFI ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian/Agensi yang terlibat mengikut prosedur perolehan Kerajaan sedia ada. Pelaksanaan projek-projek di bawah dana PFI ini adalah sama seperti projek Kerajaan sedia ada dan perbezaan hanya dari aspek pembiayaan sahaja, yang mana sumber dana diperoleh melalui PPFI dan bukannya peruntukan dibawah Belanja Pembangunan (DE).